



جياتن كحاكيمن شرعية مليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (40)
Takwim : 13 JamadilAwwal, 1425H
Tarikh : 01 Julai, 2004

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No.1 Tahun 2004

Keutamaan Kes-Kes Wali Hakim

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil 1 Tahun 2004 pada 8hb.- 9hb. Jun 2004 bersamaan 19hb.-20hb. Rabiulakhir, 1425H di Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung kes permohonan Wali Hakim/Wali Raja yang pemohonnya adalah *Muallaf* atau Anak Angkat hendaklah didaftarkan, dibicarakan dan diputuskan pada hari itu juga dengan syarat semua dokumen adalah lengkap. Manakala permohonan yang berkaitan dengan *kes wali enggan* atau *wali ghaib* atau *anak tak sah taraf* hendaklah dibicarakan secara penuh pada hari yang telah ditetapkan.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 8 Jun, 2004.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

PUTRAJAYA
2004